

# **BAGAIMANA AKTIVITI KOKURIKULUM YANG DIJALANKAN DI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI DAPAT MENGASAH KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR DAN CADANGKAN PENDEKATAN LAIN YANG BOLEH DILAKSANAKAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR BAGI MENGHADAPI ALAM KERJAYA**

Oleh:  
Safiah Binti Ahmad  
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Merlimau

## **PENDAHULUAN**

Aktiviti kokurikulum di politeknik adalah diwajibkan kepada semua pelajarnya. Adalah menjadi lumrah bahawa ketrampilan dan keupayaan penyesuaian diri dengan pelbagai situasi alam pekerjaan akan menjadi salah satu factor penentu terhadap kemajuan dan kecemerlangan kerjaya individu. Kokurikulum adalah satu 'platform' di mana kecekapan tersebut dapat di asuh dan dikembangkan. Di kolej komuniti pelaksanaan aktiviti kokurikulum masih belum begitu mantap dan dikuatkuasakan secara menyeluruh. Oleh yang demikian perbincangan ini lebih berfokus dan merujuk kepada politeknik-politeknik di Negara kita kerana ia lebih hampir menyamai Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang lain, walaupun orientasi politeknik lebih kepada praktikal di makmal atau lapangan berbanding dengan teori dalam bilik kuliah. Pendekatan ini juga dikatakan lebih berkesan mengasah kemahiran generik di kalangan pelajar-pelajarnya dengan memberi keupayaan boleh pasaran yang lebih luas.

Objektif utama program kokurikulum yang disediakan di politeknik adalah bagi membantu pencapaian Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu membentuk insan yang seimbang dan penerapan nilai-nilai murni menerusi pelbagai aktiviti yang dirancang disamping menjana daya pemikiran yang kreatif, inovatif, kritis dan berdaya saing. Selain dari itu ia juga memupuk semangat cintakan pasukan, institusi dan Negara, hubungan silaturahim antara pelbagai agama, bangsa loghat, budaya, bahasa dan adat resam. Aktiviti-aktiviti juga dibentuk untuk melahirkan individu yang berkayakinan, mempunyai ketahanan mental dan fisikal, bersikap toleransi serta berupaya menyesuaikan diri di pelbagai situasi. Objektif ini selari dengan lapan teras kemahiran generik yang dicadangkan oleh KPT

Peraturan Kokurikulum di Politeknik adalah diberi taraf sebagai satu mata pelajaran wajib. Setiap pelajar diperlukan mengamalkan dan lulus ko-kurikulum sebagai salah satu daripada syarat untuk dianugerahkan sijil atau diploma. Semua pelajar diwajibkan mengambil dan lulus dua unit ko-kurikulum. Satu unit diambil dan lulus pada semester pertama pengajian pelajar. Satu lagi diambil dan lulus pada semester kedua

## **DEFINISI ISTILAH**

Aktiviti **kokurikulum** menurut kamus dewan merupakan sebahagian daripada kurikulum atau aktiviti selain daripada pelajaran yang diajar dalam bilik darjah tetapi yang dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan pelajar seperti kegiatan dalam sukan, persatuan dan sebagainya. Mahir pula bermaksud terlatih untuk mengerjakan sesuatu, sementara kemahiran merujuk kepada kecekapan dan kepandaian. **Generik** pula bermaksud umum yang terdapat pada kumpulan atau pada kelas.

Di peringkat IPT, **kokurikulum** dianggap pelengkap kepada kitaran pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor. Aspek afektif dan psikomotor dapat diaplikasikan penerapannya dalam aktiviti kokurikulum yang melibatkan lima komponen asas iaitu : sukan, persatuan, kesenian, unit beruniform, dan kokurikulum tambahan. **Kemahiran generik** pula merupakan kemahiran umum tentang kualiti, kebolehan dan ciri yang membolehkan seseorang itu berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis, serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan.

Kearns (2001), mendefinisikan kemahiran generik sebagai kemahiran yang boleh digunakan merentasi sebilangan besar pekerjaan yang pelbagai. Ianya bukan sekadar merangkumi kemahiran asas tetapi juga merangkumi kemahiran kognitif, personal dan interpersonal yang relevan dengan sesuatu pekerjaan. Manakala menurut Kartini (2002), beberapa kemahiran generik perlu dikuasai oleh pensyarah bagi melaksanakan pedagogi bestari seperti kemahiran berfikir, kemahiran mentaksir, kemahiran pemudahcara, kemahiran mentaksir dan menilai, dan kemahiran teknologi computer.

## **PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM DI POLITEKNIK DAN KESANNYA KE ATAS KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR.**

Lima komponen asas aktiviti kokurikulum yang boleh diterapkan dengan kemahiran-kemahiran generik ialah unit beruniform, sukan, persatuan, kesenian, dan kokurikulum tambahan. Kemahiran-kemahiran generik yang terlibat ialah kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran keusahawanan, etika keprofesionalan, dan kemahiran kepimpinan. Dalam hal ini, jika sesuatu aktiviti kokurikulum itu dijalankan dengan baik dan teratur boleh mengasah beberapa kemahiran generik pelajar-pelajar yang terlibat.

Aktiviti **Unit Beruniform** yang merangkumi program polibriged, PALAPES, SUKSIS, Jabatan Pertahanan Awam dan Bulan Sabit Merah. Melalui aktiviti ini kemahiran generik yang paling berkesan ialah kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi. Dalam hal kerja berpasukan ini melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latarbelakang sosio budaya untuk mencapai matlamat yang sama. Contohnya, kebolehan membina hubungan baik, berinteraksi dengan orang lain dan bekerja secara efektif bersama mereka untuk mencapai objektif yang sama. Ia juga melibatkan kebolehan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan. Ahmad, Jailani, dan Noraini (2005) dalam kajian mereka yang bertajuk 'Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum di politeknik mendapati mendapati kemahiran keseluruhan tidak jauh berbeza antara kumpulan polibriged dengan kumpulan pasukan beruniform yang lain.

Di antara objektif program polibriged yang digariskan di dalam modul program polibriged yang digariskan di dalam modul program polibriged politeknik adalah untuk:

- i. membentuk pelajar supaya hidup dalam konteks yang memberi pendekatan ke arah individu yang baermoral, berdidikasi dan bertanggungjawab
- ii. membina insan yang berketrampilan, bersiasah tinggi, berdaya tahan mental dan fizikal secara kreatif. Inovatif dan kritis dalam membuat keputusan dan penyelesaian dan
- iii. boleh membimbing dan memimpin masyarakat serta cekap dan berkeupayaan.

Selaras dengan hasrat dan cita-cita falsafah Pendidikan Negara ke arah mencapai hasrat ini, aktiviti program polibreged dilihat sebagai satu yang dapat menanamkan pelbagai kemahiran generik yang diperlukan. Ianya lebih berkesan kerana diwajibkan ke atas semua pelajar semester pertama di semua politeknik.

Aktiviti **sukan dan permainan** meliputi permainan bola sepak, tennis, bola tampar, bola jaring dan rugby. Melalui aktiviti sukan dan permainan kemahiran generik yang paling berkesan dapat diterapkan kepada pelajar-pelajar ialah kerja berkumpulan, diikuti oleh pemikiran kritis, kepimpinan dan kemahiran komunikasi. Permainan bola sepak merupakan yang paling tinggi dapat diasah kemahiran generik kepada pelajar kerana ia mudah di fahami dan diminati oleh mereka. Aktiviti ini meliputi kelas-kelas teori dan praktikal. Jangka masa yang diambil ialah selama satu semester. Jadual aktiviti wajib ialah dua jam setiap minggu. Walau pun dalam aktiviti ini cuba diterapkan kesemua tujuh kemahiran generik yang telah ditetapkan namun kemahiran yang lebih ketara dapat diasah ialah kerja berkumpulan, pemikiran kritis, kemahiran kepimpinan dan komunikasi merupakan yang boleh dikatakan lebih berkesan. Kemahiran keusahawanan merupakan yang paling rendah kerana ciri-ciri dalam kemahiran kurang dapat ditonjolkan. Pelajar dalam hal ini bukan saja diajar dan dilatih untuk mendapat kemahiran psikomotor semata-mata, tetapi juga melibatkan aspek afektif dan kognitif. Mereka dilibatkan dalam ilmu membentuk pasukan bola sepak, merancang pembangunannya dan seterusnya menyusun strategi untuk mencapai kejayaan pasukan tersebut. Kerja-kerja praktikal di padang juga menarik minat pelajar. Ianya banyak melibatkan kemahiran dari segi fizikal atau psikomotor. Aktiviti yang melibatkan pasukan yang besar seperti permainan bola sepak ini ternyata amat berkesan untuk kita mengasah kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan di kalangan pelajar yang memilih untuk menyertainya. Keadaan yang hampir sama dengan permainan yang lain seperti permainan bola jaring, rugby dan hoki.

Kemahiran berkomunikasi ini juga berkesan untuk kumpulan yang besar seperti dalam pasukan bola sepak, bola jaring dan hoki. Kemahiran komunikasi ini melibatkan komunikasi yang berkesan sama ada dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Sekurang-kurangnya pelajar-pelajar berkebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh menyakinkan, secara lisan dan bertulis. Berkebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklumbalas. Berkebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

Aktiviti permainan berpasukan ini juga dapat mengasah bakat kepimpinan di kalangan pelajar-pelajar. Kemahiran memimpin ini melibatkan keupayaan untuk mengamalkan ciri-ciri kepimpinan dalam pelbagai aktiviti. Ia meliputi pengetahuan tentang teori asas kepimpinan; kebolehan untuk memimpin pasukan; kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota pasukan; dan kebolehan untuk menyelia pasukan.

Aktiviti **kelab dan persatuan** meliputi penyertaan dalam kelab keusahawanan, kelab pengguna, persatuan pelajar, dan kelab khidmat masyarakat. Kemahiran generik yang paling berkesan melalui aktiviti kelab dan persatuan ialah pendidikan sepanjang hayat dan kemahiran keusahawanan. Kemahiran ini dapat diterapkan melalui gerak kerja teori dan kerja pratikal yang dikendalikan oleh ahli-ahli yang terlibat dan berminat memilih aktiviti ini.

Kemahiran keusahawanan ini meliputi keupayaan untuk membuka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko (risk awareness), kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan. Ia sekurang-kurangnya meliputi kebolehan mengenalpasti peluang perniagaan; kebolehan merangka perancangan perniagaan; kebolehan membina, meneroka dan merebut peluang perniagaan dan pekerjaan; serta berkebolehan untuk bekerja sendiri.

Aktiviti kelab dan persatuan keusahawanan ini juga dapat mengasah kemahiran etika dan moral professional yang melibatkan kebolehan untuk mengamalkan standard moran yang tinggi dalam amalan professional dan interaksi social. Kemahiran ini meliputi kebolehan memahami kesan ekonomi, alam sekitar dan sosiobudaya dalam amalan professional; kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika; dan kebolehan mengamalkan sikap beretika disamping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat.

Aktiviti praktikalnya termasuklah mencari perniagaan kecilan-kecilan dalam kampus bagi mendapat kemahiran merancang melaksana dan mengurus, membuat kertas kerja, pengurusan modal dan pengurusan pekerja atau ahli yang terlibat. Dalam skala yang lebih besar melibatkan kelab dalam ekspo peringkat politeknik, peringkat daerah mahupun peringkat negeri. Pengalaman praktikal ini banyak dapat mengasah kemahiran kepada para pelajar yang terlibat.

Aktiviti yang bersifat **kesenian** yang meliputi fotografi, seni batik, seni lukis, teater, kompiang, dikir barat dan sebagainya. Aktiviti ini juga dapat mengasah kemahiran kemahiran keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat. Ianya boleh menanamkan semangat hidup berdikari yang boleh dijalankan selepas alam pengajian dengan sumber pendapat yang lebih lumayan, terutamanya seni fotografi, seni batik, seni lukis dan teater. Ia juga dapat menanamkan semangat sayangkan budaya tempatan dan mengekalkannya pada masa hadapan. Aktiviti kokurikulum ini juga didedahkan dengan teori dan pratikal seperti aktiviti kokurikulum yang lain.

Empat kumpulan aktiviti kokurikulum yang dinyatakan di atas ternyata dapat mengasah banyak kemahiran generik kepada pelajar-pelajar politeknik di negara kita. Ianya dapat dijalankan dengan berkesan kerana ia diwajibkan kepada semua pelajar, dan memberi mereka peluang untuk memilih bidang-bidang yang mereka minat dan cenderung, dan yang boleh mereka kembangkan selepas alam kampus. Aktiviti ini juga diberi bimbingan yang baik melalui pensyarah masing-masing dengan pengenalan teori dan praktikal mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Kemahiran kepimpinan dapat diasah melalui aktiviti pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan ini dipersetujui oleh Mohd. Hamidi Abdul Hamid (2002) yang menyatakan *ilmu memimpin dan mengurus bukannya seperti orientasi ilmu akademik yang kebanyakannya berkisar dalam kelas dan kertas-kertas ujian, tetapi melalui satu pendidikan yang mesti dialami dan dirasakan sendiri oleh pelajar tersebut, sebab memimpin dan mengurus ianya berhadapan dengan manusia. Lantaran itu, apabila pelajar diberikan peluang mengurus persatuan-persatuan dan kelab atau sebagainya, maka secara*

*serentak mereka akan dapat memimpin dan mengurus ahli-ahlinya (manusia) memerlukan kebijaksanaan, komunikasi, fisiologi dan strategi yang tertentu'.*

Di peringkat kolej komuniti perkembangan seperti di politeknik belum dapat dijalankan secara meluas kerana bilangan pelajar tidak ramai dan ramai pula di antara mereka yang mengikuti kursus jangka pendek. Aktiviti di peringkat kolej komuniti dijalankan di peringkat kolej yang dilaksanakan oleh unit hal ehwal pelajar di bawah unit sukan dan permainan. Diharap format di IPT ini dapat diikuti di kolej komuniti pada masa depan.

#### **CADANGAN PENDEKATAN LAIN YANG BOLEH DILAKSANAKAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR BAGI MENGHADAPI ALAM KERJAYA.**

Di peringkat politeknik ini masih ada ruang yang dapat diterapkan kemahiran generik kepada pelajar-pelajarnya. Antara lain adalah melalui aktiviti-aktiviti di peringkat unit, jabatan, bahagian malah di peringkat antara IPT dan IPTS, melalui kerja-kerja praktikal luar kampus mengikut jabatan masing-masing, kursus-kursus pendek mengenai kemahiran tertentu seperti amalan komunikasi berkesan dan kemahiran teknologi maklumat.

**Aktiviti peringkat peringkat politeknik** meliputi acara-acara yang lebih besar seperti seperti Majlis dan Pesta Konvokesyen, Ekspo Keusahawanan, Aktiviti Khidmat Masyarakat dan Gerak Kerja Gotong Royong, pertandingan peringkat, politeknik dan antara IPTA dan IPTS. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan pelajar yang ramai dan yang berkualiti. Oleh yang demikian, peluang yang luas untuk mengasah kemahiran generik kepada mereka. Libatkan pelajar dalam jawatankuasa yang mengendalikan aktiviti tersebut dan dedahkan mereka dengan kaedah pengurusan berkesan, kepimpinan berbilang, semangat berpasukan dan kemahiran teknologi maklumat yang terkini.

Antara aktiviti yang berkesan ialah melalui pertandingan-pertandingan besar yang dipertandingkan di peringkat IPTA dan IPTS seperti pertandingan bahas **bahasa Inggeris** dan **pidato bahasa Inggeris**. Ianya amat penting dalam mengasah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar bukan saja terlibat dalam pidato dan bahas secara langsung, malah lebih ramai lagi yang terlibat dalam menguruskan persediaan dan pengurusan aktiviti tersebut. Kemenangan dalam satu-satu pertandingan itu sendiri menaikkan lagi imej politeknik yang masing-masing.

**Majlis Konvokesyen dan Ekspo Keusahawanan** juga merupakan acara besar di peringkat politeknik. Ia melibatkan pengurusan yang rumit dan penglibatan orang yang ramai. Malah syarikat kerajaan dan swasta, jabatan kerajaan dan ahli-ahli masyarakat yang terkemuka. Pendedahan kepada khalayak yang lebih meluas ini memberi pendedahan dan pengalaman yang lebih luas ini penting untuk pelajar-pelajar politeknik membuka minda mereka dengan lebih luas.

**Aktiviti sukan dan permainan** juga banyak dijalankan di peringkat politeknik dan antara politeknik, contohnya perlawanan permainan antara politeknik dan liga bola sepak IPT. Dalam hal perlawanan permainan antara politeknik ini, setiap politeknik ini berpeluang menjadi tuan rumah untuk permainan tertentu. Pengurusan perlawanan dan persediaan tempat juga diletakkan di politeknik yang terlibat. Ini juga memberi peluang untuk pelajar-pelajar melibatkan diri dalam bukan saja permainan bahkan juga dalam aktiviti pengurusan.

Dalam Perutusan Tahun Baru pada 12 Januari 2010, di PICC Menteri Pengajian Tinggi telah mengistiharkan Liga Bola Sepak IPT. Langkah ini merupakan satu lagi strategi yang diambil untuk mengukuhkan lagi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di IPT. Format baru ini menyaksikan saingan membabitkan Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timor, Zon Selatan, Zon Serawak, Zon Sabah, Zon IPT Swasta dilancarkan dengan rasminya pada 25 Februari dan berakhir pada 24 Julai 2010 bagi merebut Piala Menteri Pengajian Tinggi. Lebih menarik di musim ini, pasukan dan pemain terbaik yang dikenalpasti melalui kejohanan ini akan dikumpulkan dan dibentuk menjadi satu pasukan bagi mewakili warga IPT untuk bersaing dalam kancah Liga Perdana musim depan. Pendekatan ini dapat memperkasakan lagi aktiviti kokurikulum di IPT, dan lebih ramai lagi pelajar yang dapat dilibatkan. Tambahan lagi sumbangan IPT dalam sektor sukan dan permainan memang ketara, contohnya dalam sukan SEA di Laos seramai 46 orang atlet atau 12% daripada 370 jumlah keseluruhan beraksi pada temasya tersebut dengan memperolehi 16 emas, 15 perak, dan 17 gangsa dari 10 orang atlet yang cemerlang.

#### **Latihan Industri Mengasah Kemahiran Generik Pelajar Politeknik**

Dalam skop pendidikan berorientasikan teknikal dan vokasional seperti di politeknik dan kolej komuniti, latihan industri merupakan komponen penting dalam program pengajian yang perlu dilaksanakan sebagai pengenalan kepada bakal graduan tentang realiti alam pekerjaan. Terdapat 5 kompetensi yang digariskan dalam kursus ini bagi melengkapkan pelajar dengan kemahiran generik, iaitu:

1. Kompetensi 1 – membina personaliti yang positif;
2. Kompetensi 2 – kemahiran komunikasi;
3. Kompetensi 3 – mengamalkan etika dan peraturan yang baik;
4. Kompetensi 4 – memberi pendedahan kepada alam pekerjaan;
5. Kompetensi 5 – menghasilkan laporan harian dan latihan.

Program latihan industri memberi peluang pelajar untuk mengenali dan menggunakan dengan lebih dekat tentang teknologi terkini. Ianya banyak membantu dalam pembinaan keyakinan diri pelajar, iaitu yakin pada kebolehan dan kehebatan diri merupakan salah satu faktor yang sangat penting dalam menyiapkan diri untuk memasuki sektor pekerjaan.

#### **Program Sokongan Bahasa Inggeris**

Menurut bekas menteri Pengajian Tinggi Datuk Mustapa Mohamed, kegagalan siswazah mendapat kerja adalah disebabkan mereka lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, tiada kemahiran komunikasi dan kemahiran insaniah yang lain. Kemahiran komunikasi merupakan kemahiran strategik yang dapat mencerminkan kemahiran insaniah atau generik yang lain. Ianya memberi nilai tambah yang sangat tinggi kepada pelajar. Aktiviti *English Language Support Programme* (ELSP) merupakan pendekatan komprehensif untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan berkomunikasi di kalangan pelajar politeknik. Objektif ELSP adalah untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan berkomunikasi dengan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar untuk tujuan akademik dan profesional. Aktiviti ELSP ini tidak termasuk mata pelajaran Bahasa Inggeris berkredit. Penglibatan pelajar adalah secara sukarela.

## Kemahiran Generik Merentas Kurikulum

Model terapan ini menggunakan pendekatan merentasi kurikulum pada aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Pelajar dilatih untuk menguasai kemahiran generik melalui aktiviti P&P formah yang dirancang dan dilaksanakan mengikut kaedah tertentu tanpa mengubah atau mengurangkan kandungan dan hasil pembelajaran yang perlu dicapai. Mengikut kaedah ini, pensyarah bagi sesuatu mata pelajaran perlu menterjemahkan maklumat berkenaan ke dalam bentuk perancangan pengajaran yang diikuti pelbagai aktiviti seperti, penyediaan, perbincangan dalam kelas, sumbang saran, kerja berpasukan, pembentangan, main peranan dan simulasi, tugas/projek, kajian kenderi, kerja lapangan dan lawatan tapak. Kaedah pembangunan kemahiran generik dengan menggunakan model terapan memerlukan kemahiran pensyarah dalam menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan pembelajaran yang berpusatkan pelajar.

## KAEDAH PENILAIAN DAN PENGIKTIRAFAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM DAN BUKAN KOKURIKULUM

Aktiviti kokurikulum adalah diberi taraf sebagai satu mata pelajaran wajib. Ini membawa maksud setiap pelajar diperlukan mengambil dan lulus kokurikulum sebagai salah satu daripada syarat untuk dianugerahkan sijil atau diploma. Kegagalan di dalam kokurikulum akan membawa kepada kegagalan memperoleh sijil atau diploma. Keputusan markahnya dicatat dalam transkrip yang dikeluarkan pada setiap semester.

Aktiviti kokurikulum yang disertai dalam aktiviti anjuran peringkat unit, jabatan dan politeknik diberikan dalam sijil penyertaan. Penyertaan di peringkat yang lebih tinggi seperti pertandingan antara politeknik ini dianugerahkan sijil di samping hadiah dan dicatatkan pencapaian dalam transkrip keputusan kursus keseluruhan.

Aktiviti yang bergabung atau model gabungan dengan mata pelajaran asas, markah dimasukkan kedalam mata pelajaran asas dalam kursus yang diikuti.

Mata pelajaran yang diambil secara sukarela seperti di bawah Program Sokongan Bahasa Inggeris tidak mempunyai nilai kredit dalam kurikulum pengajian pelajar. Ini diberi dalam bentuk sijil penyertaan.

## KESIMPULAN

Pandangan umum sering merujuk kegagalan siswazah mendapat kerja disebabkan mereka tidak memiliki kemahiran generik yang diperlukan majikan. Hal ini kerana kebolehpasaran setiap graduan dinilai dalam pelbagai aspek. Selain pencapaian akademik cemerlang, mereka perlu mempunyai kemahiran lain seperti kemahiran insaniah atau generik yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dan keusahawanan.

Pihak KPT telah menyambut baik pandangan ini dan bertindak membuat perancangan di peringkat kementerian dan dipanjang ke IPT ke seluruh Negara. Satu tindakan yang proaktif kerana program pembangunan dan usaha untuk melahirkan pelajar yang berkualiti menjadi fokus ke 4 kementerian bagi tahun 2010.

Walaupun aktiviti kokurikulum merupakan ruang yang paling berkesan untuk mengasah kemahiran generik kepada pelajar IPT. Tetapi masih banyak ruang dan peluang yang lain yang boleh turut sama mengasah kemahiran generik mereka untuk sama-sama melahirkan pelajar IPT yang berkualiti dan boleh bersaing dalam pasaran pekerjaan bukan saja dalam Negara, tetapi juga mampu keluar negara.

Penambahbaikan dari segi penilaian dan pengiktirafan dapat menarik minat pelajar IPT untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang membekalkan kemahiran generik kepada mereka.

## RUJUKAN,

- Abdul Razak bin Mohd Daim, *Tinjauan Tahap Penguasaan Kemahiran Generik Daripada Program Polibriged yang Diikuti Di Kalangan Pelajar Semester 2*, Politeknik Kota Kinabalu, Sabah 2006
- Ariffuddin bin Ibrahim dan Juliyana Aliman, *Latihan Industri dan Kesan Terhadap Politeknik dan Pelajar*, Politeknik Melinau Melaka 2008.
- Dr Jailani bin Mohd. Yunus, Dr. Noraini bt Kaprawi dan Ahmad bin Isa, *"Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum di Politeknik"* Fakulti Pendidikan Teknikal, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn 2007
- Harun Hassan, Razli Ahmad, dan Azuein Bahari, *Kemahiran Insaniah dan Kepentingan Penerapannya Dalam Program Baktisiswa Perdana*, UniMAP.
- Kearns, P (2001), *"Generic Skills for the New Economy"*, Kensington Park National Centre for Vocational Educational Research Ltd. 2001
- Modul Soft Skills Latihan Industri Politeknik, *Jabatan Pengajian Politeknik*.
- Mohd. Hamidi Abdul Hamid, *"Pengurusan Sekolah Cemerlang Menurut Islam"*, Perniagaan Qomarul Roihan, Maran 2002
- Nor Hafisah bt Sapuan, *"Kemahiran Generik Yang Diperolehi Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan"*, Universiti Teknologi Malaysia 2006.
- Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007- 2010, *Kementerian Pengajian Tinggi*
- Perutusan Tahun Baru 2010, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, PICC Putrajaya.
- Teks Ucapan, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Perhimpunan Bulanan KPT, 15 Disember 2009.
- Vasudevan T. Arosoo, *"Kegiatan Ko-Kurikulum: Penyeliaan dan Pentadbiran."* Fajar Bakti Selangor, 1988